

11 APR 2001

Mahathir-Ilmu

PERDANA MENTERI NASIHATKAN GENERASI MUDA HARGAI PELUANG MENIMBA ILMU

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan generasi muda terutama bangsa Melayu supaya menghargai peluang menimba ilmu dalam pelbagai bidang untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Perdana Menteri berkata penghargaan terhadap peluang seumpama itu kini semakin merosot dan terdapat juga keadaan ia tidak digunakan sepenuhnya sehingga menyebabkan masyarakat Melayu gagal mencapai kemajuan daripada segi pelajaran.

Katanya generasi sebelum merdeka sedar akan kemiskinan dan penderitaan yang dialami dan apabila mendapat peluang untuk belajar, mereka tidak menghampakan ibu bapa dan masyarakat yang menaruh harapan besar.

"Tetapi lama-lama kita sudah biasa dengan kemewahan dan percaya kita tetap akan dapat tempat, bantuan dan biasiswa kerana kita orang Melayu. Apabila sesuatu itu menjadi perkara biasa kita tidak akan menghargainya," kata beliau.

Dr Mahathir berucap pada jamuan malam di sini anjuran graduan-graduan perubatan, farmasi dan pergigian tujuh universiti Mesir termasuk Universiti Iskandariah dan Universiti Al-Azhar.

Dr Mahathir berkata masyarakat harus memiliki dan menguasai ilmu dalam pelbagai bidang untuk menentukan kesinambungan kebebasan kemerdekaan negara yang dinikmati kini.

Katanya sesetengah pihak berpendapat adalah tidak perlu untuk menguasai ilmu yang kononnya tidak dituntut oleh Islam seperti perubatan, kejuruteraan, kimia dan subjek Sains yang lain.

"Mereka ingat kita belajar dalam bidang-bidang ini is not Islamic, ada yang tuduh ini sekular. Sebenarnya ini (apa yang dipelajari) menepati kehendak agama Islam yang menyuruh kita melengkapkan diri supaya dapat menakutkan musuh dan mempertahankan diri," katanya.

Menurutnya, adalah menjadi perkara yang menyedihkan bila kuasa yang ada di tangan pemerintah bagi menentukan orang Melayu diberi peluang menguasai segala ilmu tidak dimanfaatkan sepenuhnya apabila penuntut berkenaan tidak berminat untuk belajar.

Dr Mahathir berkata generasi muda perlu melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi dan mengelakkan negara daripada dijajah semula.

"Jika kita tidak serius untuk mempertahankan kemerdekaan, melengkapkan diri kita dengan ilmu, maka saya bimbang bahawa kita akan dijajah semula.

"Orang yang dah jajah kita dahulu ingin kembali menjajah, jika kita gagal maka kita mungkin terpaksa tunggu 400 atau 500 tahun lagi untuk mencapai kemerdekaan sekali lagi," katanya.

-- BERNAMA

ZAI MAM FAZ